



**TEKS**

**KHUTBAH**

**FEBRUARI 2025**

**NEGERI PAHANG**



## KEPENTINGAN MENUNTUT ILMU

21 FEBRUARI 2025 | 22 SYAABAN 1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ  
سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ  
وَرَسُولَهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah Ta'ala dengan mengerjakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya. Mudah-mudahan kita mendapat keredaan Allah di dunia dan di akhirat.

### Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Ta'ala,

Islam menggalakkan umatnya untuk menuntut ilmu dan beramal dengannya. Tingginya kedudukan ilmu dalam Islam sehingga wahyu pertama yang diturunkan kepada Nabi Muhammad sallallahu`alaihi wasallam adalah suruhan untuk membaca yang merupakan pintu kepada ilmu pengetahuan. Bahkan Allah Azza Wa Jalla memuji orang yang berilmu dengan firman-Nya dalam surah al-Mujadalah ayat 11,



## أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ

**Yang bermaksud:** “Allah Ta'ala meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (daripada kalangan kamu) dengan beberapa darjat”.

Begitu juga sabda Rasulullah sallallahu`alaihi wasallam dalam hadis riwayat Ibnu Majah,

طَلَبُ الْعِلْمِ فَرِيضَةٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ

**Yang bermaksud:** “Menuntut ilmu adalah wajib bagi setiap orang Islam”.

Begitulah besarnya kedudukan ilmu dalam Islam sehingga tersebar kata-kata indah daripada para ulama iaitu tuntutlah ilmu dari buaian sehingga ke liang lahad, dan tuntutlah ilmu sampai ke negeri China. Oleh itu tidak hairanlah bagaimana tamadun Islam mencatatkan sejarah gemilang melalui sumbangan para ulama sejak zaman para sahabat sehingga ke hari ini. Mereka memiliki kemahiran dan kepakaran dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan seperti Imam al-Shafie mempelopori penulisan usul feqah. Imam al-Bukhari, Imam Muslim dan lain-lain menghimpun ratusan ribu hadis. Imam Tabari, Imam Fakhruddin ar-Razi, Imam Qurtubi dan lain-lain mempunyai penulisan tafsir al-Quran berjilid-jilid. Imam al-Ghazali yang terkenal dengan penulisan Tasawwuf melalui Ihya Ulumiddin. Ibnu Sina dalam ilmu perubatan dan tokoh-tokoh lain yang memberi sumbangan dalam pelbagai disiplin ilmu.



## **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Ta'ala,**

Menuntut ilmu banyak kelebihannya, antaranya sebagaimana sabda Rasulullah sallallahu`alaihi wasallam dalam hadis riwayat Imam Muslim yang bermaksud,

*“Barangsiapa yang menempuh satu jalan untuk menuntut ilmu maka Allah Taala akan memudahkan baginya jalan untuk ke Syurga. Tidaklah satu kumpulan berkumpul di dalam sebuah rumah di antara rumah-rumah Allah, membaca kitab Allah (al-Qur'an) dan mempelajarinya sesama mereka melainkan akan turun kepada mereka sakinah (ketenangan), diliputi ke atas mereka rahmat dan dinaungi oleh malaikat serta Allah Taala akan menyebut nama mereka pada malaikat yang berada di sisi-Nya”*

Hadis ini menjanjikan beberapa kelebihan, iaitu mudah masuk ke syurga, memperolehi ketenangan, mendapat rahmat daripada Allah Taala, malaikat menaunginya dan Allah Taala akan menyebut nama orang yang berada di dalam majlis ilmu.

Imam al-Ghazali rahimahullah membahagi ilmu kepada dua bahagian iaitu ilmu fardhu ain dan fardhu kifayah. Ilmu agama yang diperlukan untuk kesempurnaan akidah, ibadah dan akhlak adalah fardhu ain. Manakala apa sahaja ilmu yang memberi manfaat kepada manusia seperti perubatan, kejuruteraan, matematik, pertanian, penternakan dan lain-lain adalah fardhu kifayah.



Dengan ilmu juga dapat menyelamatkan kita daripada menjadi mangsa penipuan. Rasulullah sallallahu`alaihi wasallam menyuruh Zaid bin Thabit untuk belajar bahasa orang Yahudi agar selamat daripada tipu daya mereka. Dalam hadis riwayat Abu Daud, Zaid bin Thabit berkata yang bermaksud,

*"Rasulullah sallallahu`alaihi wasallam memerintahkan aku untuk mempelajari tulisan orang Yahudi; lalu aku mempelajari penulisan orang Yahudi kerana Baginda," Zaid berkata, "Demi Allah, sungguh aku tidak percaya kepada orang Yahudi apabila mereka menyalin tulisanku. Lalu aku mempelajarinya, (bahasa mereka)".*

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Ta'ala,**

Sejak akhir-akhir ini timbul isu kurang minat dalam kalangan remaja Islam untuk menuntut ilmu. Amat membimbangkan apabila lebih 10 ribu orang pelajar tidak hadir mengambil peperiksaan SPM tahun 2023. Berdasarkan rekod Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2023 terdapat 300 ribu pelajar lepasan SPM tidak berminat untuk menyambung pelajaran ke Universiti termasuk kemungkinan tertarik dengan ekonomi GIG.

Memang benar pekerjaan merupakan sesuatu yang penting untuk seseorang dalam mencari rezeki. Namun melepaskan peluang untuk belajar pada umur 17 hingga 23 tahun sebenarnya melepaskan sebahagian putaran kehidupan manusia sebagai penuntut, kerana tergoda dengan pendapatan yang dirasakan besar (gaji minima RM1700) pada peringkat umur yang muda ini. Oleh itu, sekiranya mana-mana keluarga tidak terdesak untuk anak-anak cepat bekerja, galakkanlah mereka terus menuntut ilmu pengetahuan secara formal di kolej-kolej dan universiti



sehingga tamat. Janganlah jumlah gaji minima yang diwajibkan kerajaan iaitu RM1700 menjadikan anak-anak remaja tidak mahu menyambung pengajian.

Jika fenomena ini berterusan, negara kita akan melahirkan tenaga kerja yang tidak berkemahiran dalam tempoh sepuluh ke dua puluh tahun akan datang. Akan hilanglah kehebatan sebuah negara yang sebelum ini dikenali sebagai negara yang mempunyai tenaga profesional dan berpendidikan tinggi. Yang lebih ditakuti ialah jumlah profesional muslim akan makin berkurangan walhal kerajaan negeri dan pusat sentiasa memberi galakkan untuk melahirkan tenaga profesional.

Bagi anak-anak yang tidak berminat dari sudut pengajian akademik, rebutlah peluang menyelesaikan putaran hidup sebagai pelajar dengan mempelajari kemahiran (TVET) yang disediakan oleh kerajaan negeri dan Persekutuan. Di peringkat negeri, kerajaan negeri Pahang telah menyediakan peluang-peluang pembelajaran sama ada bidang akademik mahupun kemahiran melalui UnIPSAS, Universiti UCYP, Pahang Skills, rebutlah peluang keemasan ini.

Kesimpulannya, Islam menyuruh umatnya menuntut ilmu sama ada dalam ilmu fardu ain dan fardu kifayah. Orang yang menuntut ilmu dijanjikan dengan pelbagai kelebihan sama ada di dunia mahupun di akhirat. Anak-anak muda yang meninggalkan menuntut ilmu kerana ingin segera bekerja sebenarnya meninggalkan putaran kehidupan manusiawinya iaitu zaman belajar. Belajarlah sama ada ilmu agama, akademik dan kemahiran untuk memberi manfaat kepada masyarakat dan negara.



## أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

شَهِدَ اللَّهُ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ وَالْمَلِكُ وَأُولُو الْعِلْمِ قَائِمًا بِالْقِسْطِ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْعَزِيزُ  
الْحَكِيمُ ﴿١٨﴾

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ  
مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي  
وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.